

PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK

OLEH:

CHAPLIN ak IBA (2001257140)  
DAYANG ZURIANIE BINTI MARZUKI (2001490231)  
EINSTEIN EDWARD ANYE (2001257007)  
LYNNEX CHESTER ak JACOB (2001650961)  
NORASPALILA BINTI HANTIN (2001650915)  
NUR MUHARIMA BINTI IJMAEN (2001650922)



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pentadbiran Dan Undang-Undang Universiti  
Teknologi Mara Kampus Samarahan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Untuk  
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

MAC 2004

## ABSTRAK

Hari ini, tidak dinafikan bahawa penggunaan telefon bimbit semakin penting di dalam kehidupan kita, terutama sekali dalam aspek perhubungan sehari-hari. Dengan adanya telefon bimbit, seseorang itu akan dapat dihubungi bila-bila masa sahaja tidak kira masa dan sempadan asalkan dia berada dalam jangkauan penyedia perkhidmatan rangkaianya.

Namun, penggunaan telefon bimbit kini bukan sahaja diminati oleh golongan dewasa atau golongan yang berkemampuan, tetapi sekarang golongan kanak-kanak pun turut merasakan bahawa telefon bimbit semakin penting dalam kehidupan mereka, dan ini turut melibatkan pelajar hari ini yang merasakan penggunaan telefon bimbit sangat penting dalam kehidupan mereka. Perkara ini bukan perkara baru kerana sebelum ini golongan remaja khususnya pelajar tergila-gila dengan telefon bimbit sehingga mereka sanggup menghabiskan wang ringgit demi mencapai impian mereka untuk membeli aksesori bagi perhiasan telefon bimbit mereka atau membeli telefon bimbit baru.

Kajian kami ini mengetengahkan penggunaan telefon bimbit di kalangan pelajar khususnya pelajar di Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak. Tujuan kami membuat kajian ini adalah untuk mengkaji dan menyelidik sejauh mana kepentingan penggunaan telefon bimbit di kalangan pelajar. Melalui kajian kami ini, kami mendapati bahawa penggunaan telefon bimbit di kalangan responden, khususnya pelajar di kawasan kajian kami ini adalah penting dan ia merupakan suatu keperluan dan bukannya lagi sebagai suatu kehendak yang harus dipenuhi. Di samping itu, berkenaan dengan fenomena baru ini, kami ada menerima maklumbalas daripada responden dan menjadikannya sebagai suatu penyelesaian bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penggunaan telefon bimbit di kalangan para pelajar.

## ISI KANDUNGAN

	Muka surat
Surat Penyerahan Kertas Projek	i
Perakuan	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Isi Kandungan	vi
<b>BAB 1: PENGENALAN : KAJIAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK</b>	
1.1 Pengenalan Tajuk Kajian	1
1.2 Definisi	6
1.3 Penyataan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Skop Penyelidikan	10
1.6 Hipotesis	11
1.7 Andaian	12
1.8 Batasan Kajian	13
<b>BAB 2: TINJAUAN KAJIAN</b>	15
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	21
1. Populasi Kajian	21
2. Sampel	21
3. Kaedah Pensampelan Berstrata	21
4. Pensampelan Data	22
A) Data Primer	22
B) Data Sekunder	23
<b>BAB 4: KAJIAN, ANALISIS SERTA MAKLUMBALAS RESPONDEN TERHADAP KAJIAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK</b>	
4.1 Pengenalan	24
4.2 Analisa Umur Responden	24
4.3 Analisa Jantina Responden	25
4.4 Analisa Mengenai Keturunan Responden	26
4.5 Analisa Mengenai Agama Responden	27
4.6 Analisa Mengenai Semester Responden	28
4.7 Analisa Mengenai Kursus Responden	29

## BAB 1: PENGENALAN

### 1.1 PENGENALAN TAJUK KAJIAN

Terdapat dua jenis komunikasi iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan. Antara contoh komunikasi lisan ialah mesyuarat, perbualan melalui telefon dan sebagainya. Manakala, komunikasi bukan lisan pula adalah penyampaian maklumat yang bukan merupakan tulisan yang harus difahami maksudnya oleh penerima atau seseorang, seperti bahasa badan ataupun petunjuk.

Pencipta telefon iaitu Alexander Graham Bell membuat panggilan jarak jauh yang pertama pada tahun 1892 dari New York ke Chicago iaitu kira-kira sejauh 1,600 km. Jarak tersebut adalah kira-kira hampir dua kali ganda jarak Lebuh Raya Utara-Selatan Malaysia.

Pengguna persendirian (Telekom Malaysia), pengguna telefon awam mahupun pengguna telefon bimbit mempermudahkan lagi urusan masing-masing dengan penggunaan telefon. Malah, dengan adanya sistem teknologi telekomunikasi, segala perhubungan yang melibatkan penggunaan telefon telah mempercepatkan dan memudahkan urusan mereka.

Penggunaan telefon bimbit di kalangan masyarakat pada masa kini sudah tidak asing lagi. Melalui tinjauan kami, hampir setiap orang memiliki sekurang-kurangnya sebuah telefon bimbit, tanpa mengira usia, pangkat dan tahap kemampuan seseorang. Kini, penggunaan telefon bimbit amat penting samada dalam urusan perniagaan, pentadbiran, pembelajaran serta pengajaran dan sebagainya.

Telefon bimbit kini boleh dianggap sebagai suatu barang keperluan dan kehendak yang harus dimiliki. Berbanding pada suatu ketika dahulu, telefon bimbit dianggap sebagai barang mewah yang hanya mampu dimiliki oleh golongan yang berada dan berkemampuan sahaja.

## BAB 2: TINJAUAN KAJIAN

Dalam membuat projek ini, kami telah mengambil beberapa sumber yang boleh dijadikan sebagai rujukan untuk membuat tinjauan literature.

Penggunaan telefon bimbit diramal akan meningkat dengan mendadak dalam tempoh lima tahun akan datang. Di Malaysia misalnya, penggunaan telefon bimbit diramal akan meningkat sebanyak 136 peratus sehingga tahun 2005.

Pertama kali, kami telah memilih artikel “*Budaya telefon bimbit*”, oleh Alfean Aziz, yang diterbitkan oleh Utusan Sarawak . Beliau menyatakan, telefon bimbit telah menjadi keperluan bagi rakyat Malaysia, malah di mana-mana sahaja rakyat di serata dunia ini kerana dengan adanya peranti tersebut ianya membolehkan mereka berhubung antara satu sama lain tanpa perlu bersusah payah untuk menyediakan wang kecil atau mencari pondok telefon awam untuk menggunakan telefon. Telefon bimbit amat diperlukan pada masa kini walaupun dalam konteks sama 10 tahun yang lalu amat berbeza, dengan adanya telefon bimbit, setiap generasi di Malaysia semakin berkembang maju dan pesat akibat wujudnya persaingan rangkaian telefon yang ingin memberikan harga terbaik serta perkhidmatan yang memuaskan kepada pengguna. Malah, bilangan telefon bimbit yang semakin banyak didapati di pasaran juga penyumbang utama kepada perkembangan pesat pasaran telefon bimbit dengan harganya semakin menurun hari demi hari. Oleh itu, berdasarkan pemerhatian, pemilihan telefon bimbit tidak lagi mendatangkan masalah kepada rakyat negara ini, malah ia penting terutama sekali apabila wujudnya keperluan untuk berkomunikasi atau menyampaikan maklumat.

Dalam artikel “*Pengguna telefon bimbit terdedah risiko kanser*”, oleh Khairina Yasin, terbitan Berita Harian, menyatakan bahawa baru-baru ini, pengguna telefon bimbit dikejutkan dengan laporan yang mengatakan bahawa pengguna telefon bimbit kini terdedah kepada risiko